

Soalan Lazim

Allianz Junior Badminton Championship 2022

1. Apakah Allianz Junior Badminton Championship (AJBC) 2022?

Allianz Junior Badminton Championship 2022 adalah kejohanan badminton junior untuk pemain berumur dari 12 tahun hingga 15 tahun.

Terdapat dua kategori umur yang dipertandingkan, iaitu Bawah-13 dan Bawah-15. AJBC adalah platform untuk pemain yang bercita-cita untuk mengambil bahagian dalam kejohanan yang tersusun dan kompetitif; memperoleh kemahiran untuk menjadi pemain profesional masa depan.

Selain daripada memupuk semangat kesukanan yang sebenar, AJBC juga bertujuan untuk mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan serta memupuk keharmonian sosial melalui badminton.

2. Apakah kumpulan umur untuk AJBC?

AJBC terbuka kepada pemain berumur 12 tahun hingga 15 tahun. Terdapat dua kumpulan umur, Bawah-13 dan Bawah-15. Setiap kumpulan umur akan mempunyai empat kategori seperti yang ditunjukkan di bawah:

Kumpulan Umur	Bawah-13 Tahun	Bawah-15 Tahun
Kategori	Perseorangan Lelaki	Perseorangan Lelaki
	Perseorangan Perempuan	Perseorangan Perempuan
	Beregu Lelaki	Beregu Lelaki
	Beregu Perempuan	Beregu Perempuan

3. Di manakah dan bilakah AJBC akan diadakan?

Sila rujuk allianz.com.my/ajbc untuk maklumat terkini.

4. Apakah bentuk pertandingan AJBC?

Bentuk pertandingan adalah berdasarkan *Knockout* dimana pemain hanya akan bermain satu (1) set sahaja dengan sistem kiraan tiga puluh (30) mata. Permainan akan berhenti untuk menukar gelanggang pada kiraan mata ke-16. Pemain yang mencapai mata ke-30 terlebih dahulu akan dikira sebagai pemenang.

5. Adakah yuran pendaftaran dikenakan?

Tidak, yuran pendaftaran tidak dikenakan untuk penyertaan AJBC.

6. Bilakah pendaftaran AJBC bermula?

Pendaftaran AJBC akan bermula pada 30 Jun 2022. Tarikh tutup pendaftaran adalah berbeza mengikut pusingan kelayakan masing-masing.

7. Bagaimanakah saya boleh mendaftar untuk AJBC?

Pendaftaran AJBC boleh dibuat melalui guru sekolah masing-masing.

8. Bolehkah pemain yang sama mendaftar untuk 2 kategori (perseorangan dan beregu)?

Pemain yang sama boleh mendaftar untuk kategori perseorangan dan beregu.

9. Bolehkah saya menyertai kejohanan AJBC ini jika saya terlepas tarikh tutup pendaftaran kejohanan negeri?

Pendaftaran lewat tidak akan diterima.

10. Apa yang akan terjadi jika saya terlambat untuk pertandingan AJBC?

Pemain-pemain dikehendaki hadir di tempat pertandingan tiga puluh (30) minit sebelum perlawanan mereka untuk mendaftar masuk di tempat sekretariat kejohanan, jika tidak, mereka akan hilang kelayakan.

11. Sekiranya saya cedera atau sakit, bolehkah pemain lain menggantikan saya untuk meneruskan kejohanan AJBC?

Pemain tidak dibenarkan untuk diganti sekiranya cedera atau sakit.

12. Apa yang perlu saya pakai untuk pertandingan AJBC?

Pemain mesti memakai pakaian kompetitif yang sesuai untuk sukan badminton. Semua pemain dikehendaki memakai t-shirt rasmi yang disediakan oleh pihak penganjur semasa perlawanan dan penyampaian hadiah.

13. Apa yang perlu saya bawa ke tempat pertandingan AJBC?

Selain daripada kad pengenalan dan dokumen salinan cetak untuk tujuan pengesahan, sila bawa peralatan sukan dan botol air sendiri.

14. Adakah makanan disediakan semasa kejohanan AJBC?

Pemain perlu menyediakan makanan sendiri.

15. Adakah terdapat sebarang SOP untuk kejohanan AJBC ini?

Pemain dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dan mesti terus memakai topeng muka melainkan semasa memanaskan badan atau bertanding. Pemain mesti menjalankan ujian sendiri sebelum bertanding.

16. Adakah ibu bapa dan rakan-rakan dibenarkan hadir ke AJBC?

Ya, mereka dibenarkan tetapi mereka mesti mematuhi SOP, iaitu memakai topeng muka dan mengamalkan penjarakan fizikal. Mereka juga mesti membuat ujian sendiri sebelum menghadiri tempat pertandingan AJBC.